

**SOALAN NO: 265**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**RUJUKAN : BL1 [PR-1341-T72938]**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan cara menyelesaikan masalah kenderaan yang tersadai di seluruh Kuala Lumpur dan masalah jumlah gelandangan yang semakin bertambah di sekitar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur maklum dengan isu kenderaan tersadai di sekitar dan pinggiran Bandaraya Kuala Lumpur yang menimbulkan pelbagai masalah terutama di kawasan perumahan dan penempatan bandar yang berkepadatan tinggi dan sesak. Bagi menyelesaikan masalah ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari masa ke semasa telah mengambil tindakan ke atas kenderaan-kenderaan tersebut.

Mengikut statistik, sebanyak **545 buah kereta** dan **576 buah motosikal** tersadai telah ditunda di sepanjang tahun **2015**. Bagi bulan Januari **2016**, sebanyak **61 buah kereta** dan **61 buah motosikal** tersadai ditunda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Blueprint Kebersihan dan Penarafan Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengariskan pelan tindakan ke atas kenderaan buruk atau tersadai seperti berikut :-

1. Mempercepatkan kelulusan untuk mendapat tapak sementara pencawang Tenaga Nasional Berhad;
2. Mempercepatkan pelupusan kenderaan buruk; dan
3. Melakukan perundingan dengan pihak Alam Flora Sdn. Bhd dan DRB-Hicom Environmental Services untuk mempercepatkan pelupusan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan jumlah gelandangan yang semakin bertambah di sekitar Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari masa ke semasa telah turut sama melaksanakan operasi menyelamat gelandangan bersama *lead agency* iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi sahabat seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (IMIG) serta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Sebanyak 5 Siri Operasi Gelandangan telah diadakan dan seramai 324 orang gelandangan telah diselamatkan sepanjang tahun 2015.

Di Kuala Lumpur, melalui inisiatif serta kerjasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Yayasan Kebajikan Negara, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak Swasta, dua (2) buah pusat bagi golongan gelandangan telah dibina seperti berikut :-

1. Pusat Khidmat Gelandangan, terletak di Medan Tuanku, Kuala Lumpur bagi penyelarasan pemberian makanan kepada gelandangan; dan
2. Pusat Transit Gelandangan, terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur bagi penempatan sementara dan pemberian makanan kepada gelandangan.